

HAK IBU BAPA TERHADAP NAFKAH DALAM PERUNDANGAN ISLAM*

Badruddin Hj Ibrahim
badruddin@iium.edu.my

Azizah Mohd
azizahmohd@iium.edu.my

Kuliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Abstrak

Makalah ini bertujuan membincangkan hak ibu bapa terhadap nafkah dalam perundangan Islam. Dalam menjaga keutuhan sesebuah keluarga, anak-anak juga mempunyai tanggungjawab terhadap ibu bapa mereka. Perbincangan dalam makalah ini merangkumi peruntukan undang-undang yang terpakai terhadap orang Islam di Malaysia. Beberapa peruntukan undang-undang di negara Asia Barat juga dianalisis sebagai perbandingan. Penelitian dibuat dengan melihat sama ada peruntukan undang-undang di Malaysia mencukupi bagi tujuan memelihara dan memastikan hak ibu bapa terhadap nafkah. Dalam kata lain, kebajikan ibu bapa dari segi hak untuk mendapat nafkah tidak terabai dan dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab. Dalam masa yang sama, sekiranya orang yang bertanggungjawab menunaikan hak tersebut lalai, undang-undang akan menyediakan jalan penyelesaiannya.

Kata Kunci: nafkah, hak ibu bapa, undang-undang Islam

Abstract

This article will discuss parental right to maintenance under Islamic law. In order to preserve familial harmony, children too have to exercise certain rights and carry out certain obligations towards their parents. As such, this article examines the current provisions available under Islamic Law in Malaysia. Further, a comparative analysis of the provisions applied in West Asian countries to those in Malaysia is also sought. A close perusal of the provisions is deemed necessary to enquire into whether such provisions are adequate to protect parental rights to maintenance. Hence, parental rights

to maintenance will be carried out and not neglected. Should the adverse happens, the available provisions will provide the necessary remedies.

Kata Kunci: maintenance, parental right, Islamic law

PENDAHULUAN

Kehidupan berkeluarga berasaskan pertalian antara ahli keluarga, iaitu hubungan suami isteri, ibu bapa dan anak-anak, adik beradik dan sebagainya. Setiap anggota keluarga mempunyai tanggungjawab masing-masing. Setiap orang perlu menunaikan hak antara mereka supaya sebuah keluarga dapat dibentuk dengan sempurna, aman dan sejahtera berlandaskan syariat dan kehendak agama Islam. Hubungan antara ibu bapa dan anak-anak ialah hubungan istimewa berasaskan pertalian darah dan kerabat. Ibu dan bapa disifatkan sebagai “asal” dan anak-anak disifatkan sebagai “cabang”.¹

Hubungan ini juga melahirkan pelbagai hak dan tanggungjawab antara satu sama lain. Antara hak anak-anak yang perlu dipenuhi ibu bapa termasuklah hak nasab, penyusuan, penjagaan, perwalian dan nafkah. Hak ibu bapa yang perlu dipenuhi oleh anak-anak pula termasuklah hak ketaatan dan nafkah. Makalah ini akan memberikan fokus hak ibu bapa terhadap nafkah. Secara umumnya nafkah merujuk makanan, pakaian dan tempat tinggal dan juga apa-apa khidmat atau keperluan yang umum berdasarkan ‘urf sesebuah masyarakat. Contohnya, belanja pendidikan, rawatan perubatan dan ubat-ubatan.²

PEMBAHAGIAN NAFKAH DAN SEBAB WAJIB NAFKAH IBU DAN BAPA

Secara umumnya nafkah terbahagi kepada dua jenis, iaitu nafkah yang wajib terhadap seseorang untuk dirinya sendiri dan nafkah yang wajib terhadap orang lain.³

* Makalah ini telah dikembangkan daripada kertas kerja yang telah dibentangkan di Seminar isu-isu Mahkamah Syariah ke 11, Mahkamah Mut, AIKOL, UIAM, 9 hb Oktober 2010.

1 Al-Tantawi, Mahmud Muhammad, 1979. *Al-Ahwal al-Shakhsyiyah fi al-Syar'iah al-Islamiyyah*. Matba'ah al-Sa'adah: Egypt, hlm. 463.

2 Lihat Badruddin Hj Ibrahim & Azizah Mohd, “Parental Rights to Maintenance Under Islamic law” dlm. 4 Shariah law Reports, Oct.–Dis. 2007, hlm. 48.

3 Al-Syarbini, Mughni al-Muhtaj, 1421H/2001. Dar al-Fikri: Beirut. Jilid 3, hlm. 542.

Dalam syariat Islam, ada tiga sebab yang mewajibkan seseorang untuk memberikan nafkah kepada orang lain:⁴ Sebab yang pertama ialah pertalian darah (*al-qarabah*). Ulama bersepakat mengatakan bahawa kewajipan memberikan nafkah yang berasaskan pertalian darah adalah termasuk nafkah anak dan nafkah ibu bapa.⁵ Mereka berbeza pendapat dalam hal kewajipan memberikan nafkah kepada datuk, nenek, cucu dan ahli keluarga yang lain.⁶

Sebab yang kedua yang mewajibkan nafkah ialah perkahwinan, iaitu kewajipan memberikan nafkah kepada isteri. Sebab yang ketiga pula ialah pemilikan, iaitu kewajipan memberikan nafkah kepada hamba yang wajib terhadap pemiliknya. Pembahagian sebab-sebab wajib nafkah di atas jelas menunjukkan bahawa sebab wajib nafkah kepada ibu dan bapa adalah berasaskan pertalian darah. Oleh itu, secara umumnya, anak-anak berkewajipan memberikan nafkah kepada ibu bapa kerana mereka mempunyai pertalian darah dengan ibu bapa mereka.

HUKUM MEMBERIKAN NAFKAH KEPADA IBU DAN BAPA DAN DALILNYA

Para ulama khususnya daripada empat mazhab bersepakat mengatakan bahawa nafkah ibu dan bapa adalah wajib atas anak-anak sama ada lelaki atau perempuan.⁷ Ini berdasarkan kepada nas daripada al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.

Terdapat banyak ayat al-Quran yang menunjukkan dalil anak-anak wajib berbuat baik kepada ibu bapa. Antaranya, seperti Firman Allah SWT:

وقضى ربك ألا تعبدوا إلا إياه وبالوالدين إحسانا

Makna: *Dan Tuhan kamu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapamu...*⁸

4 Al-Syarbini, Mughni al-Muhtaj, hlm. 542.

5 Lihat Sha'ban, Zaki al-Din, 1993. *al-Ahkam al-Shar'iyah li al-Ahwal al-Shkasiyyah*. Jami'ah Qaryunus: Banghazi, hlm.677-79.

6 Sha'ban, Zaki al-Din. *al-Ahkam al-Shar'iyah li al-Ahwal al-Shkasiyyah*, hlm. 677-79.

7 Lihat Zaydan, *al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah wa bayt al-Muslim fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*, Jld. 10, ed. 2, Beirut: al-Risalah, 2000, hlm. 186.

8 Al-Isra': 23.

Firman Allah dalam ayat yang lain pula termasuklah:

ووصينا الإنسان بوالديه حسنا

Makna: *Dan kami wajibkan manusia (berbuat) kebaikan kepada dua orang ibu bapanya.*⁹

Dua ayat di atas memerintahkan anak-anak supaya berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa. Perkara baik tersebut termasuklah membiayai nafkah mereka berdua ketika mereka memerlukannya, contohnya ketika mereka tidak mampu untuk menyara diri mereka sendiri. Dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman:

وصاحبهما في الدنيا معروفا

Makna: *Dan gaulilah keduanya di dunia dengan baik.*¹⁰

Ayat ini pula menunjukkan bahawa anak-anak wajib memberikan layanan yang baik kepada kedua-dua ibu bapa, dan antara layanan yang baik kepada mereka adalah dengan membiayai nafkah mereka.

Firman Allah lagi:

ووصينا الإنسان بوالديه حملته أمه وهنا على وهن وقصاله
في عامين أن اشكر لي ولوالديك

Makna: *Kami perintahkan kepada manusia terhadap dua orang ibu bapanya, ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah lemah, dan menyapihnya dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua orang ibu bapamu dan kepada-Ku lah kembalimu.*¹¹

Ayat di atas antara lain menyuruh kaum Muslimin supaya bersyukur kepada Allah SWT. Bersyukur kepada kedua-dua ibu bapa dalam ayat di atas bermakna membalas segala jasa yang dilakukan oleh kedua-duanya terhadap anak-anak dengan menghulurkan pertolongan sekiranya mereka memerlukannya. Pertolongan tersebut juga termasuk membiayai nafkah mereka.¹²

9 Al-Ankabut: 8.

10 Luqman: 15.

11 Luqman: 14.

12 Abdullah, Muhammad Mayuddin, 1404H/1984. *al-Ahwal al-Shakhsyiyah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Dar al-Kitab al-Arabi: Beirut, hlm. 184-85.

Dalil wajib nafkah ibu bapa daripada Sunnah Rasulullah SAW adalah seperti sabda Rasulullah SAW:

إن أطيب ما أكلتم من كسبكم ، وإن أولادكم من كسبكم ،

Sesungguhnya sebaik-baik rezeki yang kamu makan ialah hasil usaha titik peluh kamu sendiri dan sesungguhnya anak-anakmu adalah antara usaha kamu,¹³

Hadis di atas menunjukkan bahawa anak-anak ialah hasil daripada usaha ibu bapa. Oleh sebab itu, anak-anak dan harta mereka merupakan milik ibu bapa. Ekoran itu, ibu bapa berhak terhadap harta anak-anak mereka, lebih-lebih lagi sekiranya mereka mempunyai keperluan atas harta tersebut.

Ayat al-Quran dan hadis di atas jelas menunjukkan bahawa anak-anak berkewajipan membiayai nafkah ibu dan bapa. Ulama berpendapat bahawa kewajipan ini bukan hanya kewajipan agama (*dinan*) semata-mata, bahkan kewajipan dari segi undang-undang.¹⁴ Ini bermakna, sekiranya anak-anak mengabaikan tanggungjawab ini, mereka boleh dihadapkan ke mahkamah untuk tindakan selanjutnya. Begitu juga, ibu dan bapa berhak membuat tuntutan di mahkamah sekiranya anak-anak mereka tidak menunaikan tanggungjawab memberikan nafkah kepada mereka.

IBU BAPA YANG BERHAQ KEPADA NAFKAH

Prinsip asas nafkah atas diri sendiri ialah nafkah seseorang sama ada kanak-kanak atau dewasa daripada hartanya sendiri. Ini bermakna sekiranya seseorang itu mempunyai harta, maka tidak wajib atas orang lain untuk memberikan nafkah kepadanya. Hal ini kerana nafkah seseorang yang wajib atas seseorang lain adalah berasaskan keperluan. Oleh itu, orang yang mempunyai harta ialah orang yang tidak perlu pada bantuan orang lain, kerana mereka mampu menanggung diri mereka sendiri. Perkara ini tidak ada pengecualian melainkan nafkah kepada isteri. Nafkah isteri bukanlah berasaskan keperluan tetapi berasaskan perkahwinan. Maka, selagi seseorang itu masih dalam ikatan perkahwinan, seorang suami wajib memberikan nafkah kepada isterinya mengikut kadar kemampuannya, walaupun isterinya seorang yang berada.¹⁵

13 Hadith diriwayatkan oleh al-Termizi dan al-Hakim.

14 Lihat, Abd al-Rahman Taj, 1374H /1955. *Ahkam al-Ahwal al-Shakhsyiyah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Dar al-Kitab al-'Arabi: Mesir, hlm. 447; Muhammad al-Tantawi, *al-Ahwal al-Shakhsyiyah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*, hlm. 463.

15 Sha'ban, hlm. 676.

Berpandukan prinsip di atas, ulama bersepakat mengatakan bahawa ibu dan bapa yang berhak kepada nafkah ialah ibu dan bapa yang tidak berkemampuan. Contohnya, dia tidak mempunyai harta ataupun pekerjaan, sama ada mereka tidak berkemampuan untuk membiayai diri mereka sepenuhnya ataupun sebahagian sahaja. Dalam keadaan ini, mereka sangat berhajat kepada bantuan orang lain.¹⁶

Pada pandangan Mazhab Hanafi dan Syafii, tidak bekerja bermaksud juga tidak berupaya untuk bekerja disebabkan penyakit kronik, buta, tidak siuman dan cacat anggota badan.¹⁷

Berasaskan perbincangan di atas, ibu bapa tidak berhak terhadap nafkah sekiranya mereka mempunyai harta kerana dalam keadaan tersebut mereka tidak ada keperluan kepada nafkah. Walau bagaimanapun, ulama berbeza pandangan tentang ibu bapa yang berupaya bekerja tetapi tidak mempunyai harta.

Pandangan pertama ialah pandangan yang kuat dalam mazhab Hanafi dan Syafii dan satu pandangan dalam mazhab Maliki dan Hambali. Mereka berpendapat bahawa ibu bapa berhak kepada nafkah sekiranya mereka tidak mempunyai harta semata-mata; dan bukan keadaan mereka yang mampu bekerja atau pun tidak,¹⁸ berdasarkan ayat al-Quran, Firman Allah SWT:

وقضى ربك ألا تعبدوا إلا إياه وبالوالدين إحسانا، إما يبلغن عندك الكبر أحدهم أو كلاهما فلا تقل لهما أف ولا تنهرهما وقل لهما قولا كريما

Makna: *Dan Tuhan kamu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapakmu. Jika salah seorang daripada keduanya atau keduanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia.*¹⁹

Ayat di atas mengandungi perintah dan larangan Allah SWT terhadap kedua-dua ibu bapa. Allah memerintahkan supaya melakukan kebaikan terhadap

16 Zaydan, Jilid 10, hlm. 186-89. Lihat juga, Azizah Mohd & Badruddin Hj Ibrahim, "Nafkah Isteri Bekerja Dalam Undang-undang Islam di Malaysia", KANUN, 23:2, Dis. 2011, hlm. 180.

17 Al-Kasani, Alauddin Abi Bakr ibn Mas'ud, 1417/ 1996. *Bada'i' al-Sana'i'*. Jilid 4, Dar al-Fikr: Beirut, hlm. 50. ; al-Sharbini, Shamsuddin Muhammad Ibn Ahmad, Mughni al-Muhtaj, 1933/1352. Jilid. 3. Mesir: Sharikah Maktabah Wa Matba'ah Mustafa al-Babu al-Halabi, hlm. 571.

18 Lihat, Zaydan, jld. 10, hlm. 186-89.

19 Al-Isra': 23

kedua-duanya sekurang-kurangnya dengan menyebut perkataan yang mulia kepada mereka. Allah juga melarang menyakiti mereka walaupun dengan perkataan “ah”. Memaksa mereka bekerja untuk diri mereka sedangkan anak-anak berkemampuan memberikan pertolongan merupakan perkara yang menyakiti mereka dan tidak menunjukkan ihsan kepada mereka. Oleh sebab itu, ibu bapa yang tidak mempunyai harta walaupun berupaya tidak boleh dipaksa bekerja demi memenuhi keperluan nafkah mereka, apatah lagi dalam keadaan anak-anak berkemampuan menanggung nafkah mereka.

Perkara yang kedua daripada pandangan muktamad dalam mazhab Maliki, satu pandangan dalam mazhab Hanafi dan Syafii, berpendapat bahawa ibu bapa tidak berhak kepada nafkah sekiranya mereka mampu untuk bekerja walaupun mereka tidak mempunyai harta.²⁰

Hujah mereka ialah berkemampuan bekerja dikira sebagai mempunyai harta. Mengikut Mazhab Maliki, ibu bapa boleh dipaksa untuk bekerja,²¹ tetapi dalam mazhab Hanafi, hanya bapa sahaja yang boleh dipaksa untuk bekerja tetapi tidak ibu.

Walau bagaimanapun, pandangan pertama adalah lebih kuat memandangkan perbuatan memaksa ibu bapa bekerja sedangkan anak-anak dalam keadaan senang lenang adalah suatu perkara yang sangat buruk dan tidak bertanggungjawab. Dalam masa yang sama, memaksa mereka bekerja lebih menyakitkan hati mereka daripada mengeluarkan perkataan “ah” kepada mereka.

PERBEZAAN AGAMA

Perbezaan agama bukanlah halangan bagi ibu bapa untuk mendapat nafkah. Majoriti ulama yang terdiri daripada Hanafi, Maliki, Syafii dan satu pandangan dalam mazhab Hambali berpendapat bahawa anak-anak yang beragama Islam wajib memberikan nafkah kepada ibu bapa mereka walaupun kedua-duanya bukan beragama Islam.²² Ini berdasarkan kepada nas al-Quran yang menyebut:

وإن جاهدك على أن تشرك بي ما ليس لك به علم فلا تطعهما وصاحبهما
في الدنيا معروفا

20 Lihat, Zaydan, jld. 10, hlm. 186-89.

21 Al-Dusuqi, Shams al-Din al-Shaykh al-Din al-Shaykh Muhammad Arafah, Hashiyyah al-Dusuqi ala al-Sharh al-Kabir, Jilid 2. Beirut: Dar al-Fikr, 1419H/ 1998, hlm. 821.

22 Al-Kasani, Jilid 4, hlm. 52. ; al-Dusuqi, Jilid 2, hlm. 821; al-Syarbini, Jilid.3, hlm. 596.

Makna: *Dan jika kedua-duanya memaksamu untuk mempersekutukan Aku sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah kamu mengikuti keduanya dan bergaullah dengan mereka di dunia ini dengan baik.*²³

Ayat di atas diturunkan bagi maksud berbuat baik kepada ibu bapa yang bukan Islam. Walaupun mereka bukan beragama Islam, anak-anak tetap diperintahkan supaya berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa mereka.

ANAK YANG BERKEWAJIPAN MEMBERIKAN NAFKAH KEPADA IBU BAPA

Anak sama ada lelaki atau perempuan wajib memberikan nafkah kepada ibu dan bapa. Walau bagaimanapun, nafkah bergantung pada kemampuan anak-anak. Ulama bersepakat bahawa anak-anak yang wajib memberikan nafkah kepada ibu bapa ialah anak yang berkelapangan, sama ada mempunyai harta ataupun pekerjaan.²⁴

Walaupun bagaimanapun, ulama berbeza pandangan tentang maksud kelapangan. Mengikut pandangan yang menjadi fatwa dalam mazhab Hanafi, kelapangan bermaksud mempunyai harta yang melebihi nafkah ahli keluarganya (anak isteri) sehingga sampai kadar yang wajib untuk membayar zakat (sampai nisab zakat).²⁵

Mengikut mazhab Maliki, kelapangan bermakna mempunyai kemampuan yang melebihi nafkahnya sendiri dan nafkah isterinya (walaupun empat orang).²⁶ Pandangan ini di sokong oleh mazhab Syafi'i dan Hambali. Walau bagaimanapun, mereka mengehakkan, iaitu mesti mempunyai kemampuan yang melebihi nafkahnya dan nafkah ahli keluarganya satu hari dan satu malam.²⁷

Pandangan ini berasaskan Hadis Rasulullah SAW.

عن جابر: أن النبي صلى الله عليه وسلم قال لرجل إبدأ بنفسك فتصدق عليها، فإن فضل شيء فأهلكه، فإن فضل عن أهلك شيء فإهدى قرابتك، فإن فضل عن ذى قرابتك شيء فهكذا وهكذا

23 Luqman: 15

24 Lihat, Zaydan Jld. 10, hlm. 190-92.

25 Ibn Nujaym, *al-Bahr al-Ra'iq*, Jilid. 4, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997, hlm. 349.

26 Al-Dusuqi, Jilid 2, hlm. 821.

27 Al-Syarbini, Jilid 3, hlm. 570. ; al-Bahuti, Mansur ibn Yunus Ibn Idris, *Kashshaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'*. Jilid 5. Beirut: Dar al-Fikr al-'Arabi, hlm. 481.

*Diriwayatkan daripada Jabir bahawasanya Rasullah SAW bersabda kepada seorang lelaki: Mulakanlah dengan diri sendiri dan belanjakanlah atas diri sendiri, jika ada lebih maka belanjakanlah atas ahli keluarga, jika ada lebih sesuatu daripada ahli keluarga maka belanjalah kepada kaum kerabat, sekiranya ada lebih sesuatu daripada kaum kerabat maka begini dan begini.*²⁸

Berasaskan perbincangan di atas, maka jelaslah bahawa sekiranya anak-anak tidak berkemampuan, maka tidak wajib atas mereka membiayai kedua-dua ibu bapa. Dalam hal ini, Mazhab Maliki berpandangan bahawa tidak wajib atas anak-anak yang tidak berkelapangan bekerja mencari rezeki bagi membiayai kedua-dua ibu bapa walaupun mereka mempunyai pekerjaan.²⁹

Pandangan ini bertentangan dengan mazhab Syafii yang mewajibkan anak-anak bekerja sekiranya mereka tidak ada harta.³⁰ Hal ini kerana berkemampuan bekerja adalah sama seperti kemampuan berharta.³¹ Perkara ini disokong oleh mazhab Hanafi yang menegaskan bahawa anak-anak boleh dipaksa untuk bekerja sekiranya mereka mempunyai keupayaan bekerja demi membiayai nafkah ibu bapa.³²

Oleh itu, wajiblah atas anak-anak membiayai nafkah kedua-dua ibu bapanya. Sekiranya ibu bapa mempunyai seorang anak sahaja, maka kewajipan ini dipikul seorang sahaja. Sebaliknya, sekiranya anak lebih daripada seorang, maka ulama berbeza pandangan.

Pandangan pertama, kewajipan membiayai nafkah ibu bapa adalah sama antara anak-anak, sama ada lelaki ataupun perempuan.³³ Hujah pandangan ini ialah kewajipan membiayai nafkah ibu bapa disebabkan “menjadi anak”, kerana anak dikira sebagai cabang ataupun sebahagian ibu bapa, sebab itulah tidak ada perbezaan antara lelaki dan perempuan. Pada pandangan dalam mazhab Syafii, kewajipan tetap sama walaupun ada perbezaan yang ketara dalam kalangan anak-anak dari segi kelapangan.³⁴ Sebaliknya, Hanafi berpendapat bahawa jurang perbezaan dari segi kelapangan antara anak-anak hendaklah biasa dan tidak ketara. Sekiranya wujud perbezaan yang ketara, maka kewajipan adalah berdasarkan kemampuan masing-masing,

28 Hadis diriwayatkan oleh Muslim Abu Daud, al-Termizi dan Ahmad.

29 al-Dardir, *al-Sharh al-Kabir*. Jilid 3, hlm. 821.

30 Al-Syarbini, Jilid 3, hlm. 570

31 Al-Syarbini, hlm. 571.

32 Ibn Nujaym, Jilid 4, hlm. 349.

33 Lihat Sha'ban, hlm. 676.

34 Al-Syarbini, Jld. 3, hlm. 574.

iaitu bagi anak yang mempunyai banyak harta, kadar tanggungjawabnya lebih tinggi daripada anak yang mempunyai kurang harta.³⁵

Pandangan yang kedua ialah kewajipan nafkah terhadap anak-anak berdasarkan kelapangan masing-masing sebagaimana yang telah disebutkan di atas. Anak yang mempunyai banyak harta kewajibannya adalah lebih tinggi daripada yang tidak mempunyai banyak harta.³⁶ Pandangan yang ketiga berpendapat bahawa kewajipan mengikut kadar kelayakan harta pusaka, iaitu anak lelaki dua bahagian dan anak perempuan satu bahagian.³⁷ Pandangan ini nampaknya agak munasabah dan adil kerana yang banyak menerima harta pusaka mestilah juga merupakan yang banyak menyumbang nafkah kepada ibu bapa.

MAKSUD DAN KADAR NAFKAH

Yang dimaksudkan dengan nafkah ibu bapa ialah keperluan asas bagi mereka, seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, ubat-ubatan dan perbelanjaan rawatan perubatan.³⁸ Ulama Syafii berpendapat bahawa, nafkah termasuk juga pembiayaan orang gaji kepada ibu bapa sekiranya mereka tidak boleh berdikari seperti sakit, lumpuh dan sebagainya.³⁹ Bahkan dalam pandangan mazhab Maliki, menjadi kewajipan anak untuk membiayai orang gaji mereka, walaupun ibu bapa boleh berdikari.⁴⁰ Walau bagaimanapun, ini semuanya bergantung pada kemampuan anak-anak.

Mazhab Maliki dan Hambali berpendapat, anak-anak yang berkemampuan juga wajib mengahwinkan bapa mereka sekiranya perlu, atau untuk menghindarkannya daripada terlibat dalam perkara maksiat.⁴¹ Bahkan, al-Shaykh Muhammad al-Sawi daripada Maliki berpendapat bahawa sekiranya perkahwinan dengan seorang isteri tidak dapat menghindarkannya melakukan maksiat, maka hendaklah dia dikahwinkan dengan seorang lagi isteri.⁴² Maka jelaslah bahawa wajib juga atas anak-anak untuk membiayai nafkah

35 Al-Shaykh Nizam, *al-Fatawa al-Hindiyyah*, Jld. 1, hlm. 586.

36 Sha'ban, hlm. 676.

37 Sha'ban, hlm. 676.

38 Al-Ansari, *Asna al-Matalib*, Jld. 7, hlm. 494.

39 Al-Ansari, Jld. 7, hlm. 494.

40 Al-Dardir, Jld. 2, hlm. 822.

41 Al-Dardir, Jilid 2, hlm. 822; Ibn Qudamah al-Maqdisi, *Abi Muhammad Muwaffaq al-Din 'Abdullah, Al-Mughni*. Jil. 7. Riyad: Maktabah al-Riyad al-Hadithah 1401/ 1981, hlm. 392.

42 Al-Sawi, al-Shaykh Ahmad, *Bulghat al-Salik*. Jld. 2. Beirut-Lebanon: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1415/ 1995, hlm. 491.

isteri bapa, pada pandangan Maliki dan Hambali. Hal ini juga merupakan pandangan dalam mazhab Syafii.⁴³

Tentang kadar nafkah pula, ulama tidak menetapkan kadar yang tertentu tetapi hendaklah berpatutan dan mencukupi untuk pembiayaan; kerana kewajipan nafkah kepada ibu bapa adalah berdasarkan kepada keperluan. Kadar nafkah hendaklah dapat memenuhi kadar keperluan mereka.

KEDUDUKAN NAFKAH IBU BAPA DI BAWAH PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA

Di Malaysia, undang-undang yang terpakai terhadap orang Islam ialah undang-undang Islam yang diperuntukkan dalam Akta atau Enakmen Negeri-negeri. Secara umumnya, undang-undang yang berkaitan dengan nafkah ibu bapa tidak diperuntukkan secara khusus. Namun, terdapat peruntukan nafkah kaum kerabat secara umum dalam enakmen negeri. Sebagai contoh, seksyen 61 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003⁴⁴ memperuntukkan:

“Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana orang yang bertanggung tentang hal itu mengikut hukum syarak supaya membayar nafkah kepada seorang lain jika dia tidak upaya, sepenuhnya ataupun sebahagiannya, dari mencari kehidupan oleh sebab kerosakan otak atau jasmani atau tidak sihat dan Mahkamah berpuas hati bahawa memandang kepada orang yang pertama tersebut itu adalah munasabah memerintahkan sedemikian”.

Peruntukan ini tidak begitu jelas kerana tidak khusus pada nafkah ibu bapa sahaja tetapi juga termasuk nafkah kepada ahli keluarga yang lain. Perkara ini berbeza daripada peruntukan undang-undang di negara Islam yang lain khususnya di Timur Tengah. Peruntukan nafkah ibu bapa adalah lebih terperinci dan jelas. Contohnya, di Kuwait terdapat beberapa peruntukan undang-undang yang khusus berkaitan dengan nafkah ibu bapa. Sebagai contoh, Seksyen 201 Undang-undang Keluarga Kuwait 1984 memperuntukkan:

“Wajib atas anak yang berkelapangan, lelaki atau perempuan, membiayai nafkah kedua-dua ibu bapanya, datuknya dan neneknya, walaupun berbeza agama atau berkemampuan bekerja. Sekiranya bilangan anak ramai, maka kewajipan nafkah atas mereka mengikut kelapangan mereka.”

43 Al-Ansari, Jld. 7, hlm. 495.

44 Enakmen no.2

Hal yang sama diperuntukkan dalam Undang-undang Keluarga Jordan 1977.⁴⁵ Walau bagaimanapun, sebagai tambahan, Undang-undang Keluarga Jordan memperuntukkan juga keadaan anak yang mampu bekerja, walaupun dia seorang yang fakir, dia masih bertanggungjawab menyara kedua-dua ibu bapanya. Dalam keadaan pendapatan yang diperoleh tidak melebihi keperluannya dan keperluan anak-anak dan isteri, maka anak tersebut wajib menempatkan ibu bapanya bersama-sama keluarganya, dan memberikan makan kepada kedua-duanya bersama-sama dengan anak-anak dan isterinya.⁴⁶

Sementara itu, peruntukan di Qatar menambah sekiranya harta kedua-dua ibu bapa tidak mencukupi, maka wajib atas anak-anaknya menyempurnakan nafkah kepada mereka.⁴⁷ Walau bagaimanapun, sekiranya ibu bapa mempunyai ramai anak, maka kewajipan berdasarkan kelapangan tiap-tiap orang anak mereka.⁴⁸ Peruntukan yang sama terdapat di Maghribi, iaitu Undang-undang Keluarga Maghribi 2004 antara lain menyebut, tanggungjawab memberikan nafkah kepada ibu bapa adalah berdasarkan kelapangan anak-anak dan bukan berdasarkan hak mereka atas harta pusaka.⁴⁹

Undang-undang nafkah ibu bapa juga telah dilaksanakan di beberapa buah negara Asia lain, seperti di Filipina, Taiwan, India dan Singapura. Sebagai contoh, Akta Nafkah Ibu bapa 1995 di Singapura memperuntukkan hak ibu bapa menuntut nafkah daripada anak-anak mereka melalui mahkamah sekiranya anak-anak mereka gagal berbuat demikian. Akta tersebut juga memperuntukkan hukuman denda sebanyak \$5000 (RM12,200) atau penjara selama enam bulan kepada anak-anak yang didapati bersalah tidak memberi nafkah ibu bapa mereka.⁵⁰

Walaupun di Malaysia tidak wujud peruntukan yang jelas tentang nafkah ibu bapa, ini tidak menjadi halangan Mahkamah Syariah di Malaysia mengendalikan kes yang berkaitan dengannya. Sebenarnya sudah terdapat kes yang dihadapkan ke Mahkamah walaupun tidak banyak, iaitu kes *Khalil bin Ahmad lwn Kamal bin Khalil*.⁵¹ Dalam kes ini Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan memerintahkan defendan membayar kos perubatan isteri

45 Lihat Qanun Ahwal al-Shakhsiyyah Urdun 1977, seksyen 172 (a).

46 Lihat Qanun Ahwal al-Shakhsiyyah Urdun 1977, Seksyen 172 (b)

47 Lihat Qanun Ahwal al-Shakhsiyyah Qatar, seksyen 87.

48 Lihat Qanun Ahwal al-Shakhsiyyah Qatar, seksyen 88.

49 Mudawwanah al-Ussrah, Maghribi 2004, seksyen 203.

50 Lihat Talani Palani, "Make it an Offence for Children to Abandon Parents"; FMT News (Free Malaysia Today), 6 December 2011 available online at <http://www.freemalaysiatoday.com/2011/12/06/karpal-make-it-crime-for-children-to-abandon-parents/>; retrieved 2nd March 2012.

51 (2003) 16 JH 19.

plaintif (isteri bapa defendan) sebanyak RM2000 ringgit dalam masa tiga bulan dan RM200 ringgit setiap bulan kepada plaintif sebagai nafkah.

Dalam kes *Kassim bin Othman & Fatimah binti Salleh lwn Raja Suzana binti Raja Kasim & Zul Azli bin Hashim*,⁵² plaintif 1 dan 2 yang merupakan bapa dan ibu kandung defendan 1 dan mentua kepada defendan telah menuntut defendan memberikan nafkah kepada plaintif 1 dan 2 selama hayat mereka dan defendan menghormati dan menjaga kebajikan plaintif 1 dan 2 dengan sebaik-baiknya. Mahkamah telah membenarkan tuntutan tersebut dan defendan 1 dan 2 telah diperintahkan membayar nafkah kepada plaintif 1 dan 2 sebanyak RM500, iaitu masing-masing berjumlah sebanyak RM250 seorang. Hal ini kerana defendan 1 bertanggungjawab memberikan nafkah sebagai seorang anak dan juga kerana beliau telah berjanji untuk memberikan nafkah kepada ibu bapa mereka sebagai tukaran pindahan hak milik rumah plaintif kepada defendan 1. Yang demikian juga defendan 2, walaupun beliau hanyalah menantu kepada plaintif, tetapi beliau juga telah memberikan janji yang sama.

KESIMPULAN

Institusi keluarga merupakan institusi takaful yang pertama dalam Islam yang memberikan jaminan kewangan kepada ahli keluarga, iaitu ahli keluarga yang lemah dan tidak berkemampuan akan dibantu oleh ahli keluarga yang berkelapangan.

Perbincangan di atas menunjukkan dengan jelas bahawa kewajipan anak-anak membiayai nafkah ibu bapa bukanlah kewajipan agama semata-mata, bahkan hak ini boleh dikuatkuasakan di Mahkamah. Oleh itu, peruntukan undang-undang yang jelas dan khusus berkaitan dengan nafkah ibu bapa sangat diperlukan. Moga-moga perkara ini dapat dilaksanakan dan diurus tadbir dengan baik supaya anggota masyarakat akan dapat mengetahui dan memahami dengan lebih terperinci akan hak dan tanggungjawab mereka. Apatah lagi, peruntukan yang jelas tentang nafkah ibu bapa telah lama wujud di Asia Barat seperti Jordan, Kuwait, Qatar dan Maghribi. Tambahan lagi, di negara bukan Islam juga telah terdapat undang-undang yang khusus bagi menjamin hak ibu bapa terhadap nafkah, contohnya di Singapura, Taiwan, Filipina dan India. Maka, sudah sampailah masanya Kerajaan Malaysia juga mengambil langkah memperkenalkan undang-undang tentang nafkah ibu bapa seperti yang telah disarankan oleh banyak golongan di dada-dada akhbar sebelum ini.

52 (2010) 30 JH(2), 299.

RUJUKAN

- Abd al-Rahman Taj, 1374H/1955. *Ahkam al-Ahwal al-Shakhsiyyah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Mesir: Dar al-Kitab al-‘Arabi,
- Abdullah, Muhammad Mayuddin, 1404H/1984. *al-Ahwal al-Skhsiyyah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Al-Bahuti, Mansur ibn Yunus Ibn Idris, 1402H/1982. *Kashshaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'*. Jilid 5. Beirut: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Al-Dusuqi, Shams al-Din al-Shaykh al-Din al-Shaykh Muhammad Arafah, 1419H/1998. *Hashiyyah al-Dusuqi ala al-Sharh al-Kabir*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Kasani, Alauddin Abi Bakr ibn Mas'ud, 1417H/1996. *Bada'i' al-Sana'i'*. Jilid 4. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sawi, al-Shaykh Ahmad, 1995/1415. *Bulghat al-Salik*. Jilid 3. Beirut – Lebanon: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sharbini, Shamsuddin Muhammad Ibn Ahmad, 1933/1352. *Mughni al-Muhtaj*. Jilid 3. Mesir: Sharikah Maktabah Wa Matba'ah Mustafa al-Babu al-Halabi.
- Al-Tantawi, Mahmud Muhammad. 1979. *Al-Ahwal al-Shakhsiyyah fi al-Syar'iah al-Islamiyyah*. matba'ah al-Sa'adah: Egypt,
- Azizah Mohd & Badruddin Hj Ibrahim, “Nafkah Isteri Bekerja Dalam Undang-undang Islam di Malaysia”, dlm *Kanun:Jurnal Undang-undang Malaysia* 23:2, hlm. 180, Disember. 2011.
- Badruddin Hj Ibrahim & Azizah Mohd, “Parental Rights to Maintenance Under Islamic law” dlm. 4 *Shariah law Reports*, hlm. 48, Oct.–Dis. 2007
- Ibn Nujaym, *al-Bahr al-Ra'iq*, 1997. Jilid 4. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi, Abi Muhammad Muwaffaq al-Din ‘Abdullah, 1981/1401. *Al-Mughni*. Jilid 7. Riyad: Maktabah al-Riyad al-Hadithah.
- Mahmud Muhammad al-Tantawi, 1979. *al-Ahwal al-Shakhsiyyah Fi al-Syariah al-Islamiyyah*. t.tp: Matba'ah alSa'adah.
- Sha'ban, Zaki al-Din, 1993. *al-Ahkam al-Shar'iyyah li al-Ahwal al-Shakhsiyyah*. Banghazi: Jami'ah Qaryunus.
- Talani Palani, “Make it an Offence for Children to Abandon Parents”; FMT News (Free Malaysia Today), 6 December 2011 available online at <http://www.freemalaysiatoday.com/2011/12/06/karpal-make-it-crime-for-children-to-abandon-parents/>; retrieved 2nd March 2012.
- Zaydan, Abd al-Karim, 2000. *al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah wa Bayt al-Muslim fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Jilid 10. Edisi 2. Beirut: al-Risalah.